

Kertas Bil. 40/2024



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KELIMA BELAS
PADA 4 JULAI 2024 – 5 JULAI 2024,
DAN 9 JULAI 2024 – 11 JULAI 2024**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PROJEK *SELANGOR*
MARITIME GATEWAY (SMG)
KERTAS BILANGAN 8/2024**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA DEWAN NEGERI SELANGOR PADA MESYUARAT KEDUA PENGAGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS BERMULA 04 – 05 JULAI 2024, DAN 09 – 11 JULAI 2024

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bil 8/2024	Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Projek <i>Selangor Maritime Gateway</i> (SMG)	5.1 Jawatankuasa menyarankan pihak Kerajaan Negeri untuk menggunakan bajet mengurus untuk perbelanjaan berkala yang dijangka akan dijalankan secara konsisten setiap tahun untuk memastikan sungai Klang sentiasa berada dalam keadaan bersih. Kaedah perbelanjaan ini adalah lebih mampan dalam jangka panjang untuk kerja-kerja pembersihan sungai. Jika kerajaan bergantung dengan kerja-kerja pembersihan yang dijalankan oleh syarikat pemaju yang bersumberkan daripada pembangunan tanah-tanah di tebing sungai, akan tiba satu masa di mana tanah yang boleh dikurniakan akan habis dan aktiviti pembersihan sungai akan terhenti akibat ketiadaan dana.	Diterima		Pihak LLSB bersetuju dengan saranan Jawatankuasa. Pelaksanaan inisiatif pembersihan Sungai Klang di Fasa 1 (2018-2023) Projek SMG telah menunjukkan impak positif dari segi pemuliharaan alam sekitar, pembangunan sosial dan penjana ekonomi. Bagi mengekalkan momentum impak positif tersebut di Fasa 2 (2024 – 2030), cabaran utama adalah untuk mengekalkan kebersihan di sepanjang 56km Sungai Klang. Kerja-



MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA DEWAN NEGERI SELANGOR PADA MESYUARAT KEDUA PENGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS BERMULA 04 – 05 JULAI 2024, DAN 09 – 11 JULAI 2024

					kerja pembersihan sungai perlu dipergiatkan dengan menambahbaik infrastruktur sungai sedia ada, pembinaan pusat pengasingan sampah dan meneroka teknologi terkini bagi mempertingkatkan kecekapan operasi agar potensi penjanaan ekonomi dapat direalisasikan pada tahap yang optimum.
--	--	--	--	--	--



[Handwritten signature]

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA DEWAN NEGERI SELANGOR PADA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS BERMULA 04 – 05 JULAI 2024, DAN 09 – 11 JULAI 2024

	5.2 Jawatankuasa menyarankan pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan mandat kerja-kerja pengeluaran sampah sarap dari sungai kepada satu agensi beserta dengan sumber yang diperlukan. Agensi tersebut boleh melantik kontraktor secara tender terbuka.	Diterima	Pihak LLSB tiada halangan dengan saranan Jawatankuasa. Agensi yang dilantik perlu menyelaraskan dan memantau kerja-kerja pengeluaran sampah sarap dengan pihak berkepentingan yang berkaitan agar kelestarian Sungai Klang terjamin.
--	--	----------	--

